



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 27 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PENJANA: RM198.67 MLN APPROVED UNDER MICROCREDIT FINANCING SCHEME, SAYS MINISTER, ASIAN NEWS TODAY -ONLINE RONALD: GOVT WORKINGHARD TO RECOVER FROM PANDEMIC CRISIS, HOME, BORNEO POST(KK) -3 MAFI SERAH 200 BAKUL MAKANAN, NASIONAL, SINAR AHAD -28	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7.	IMPORT LEMBU DARI THAILAND DIHENTIKAN SERTA-MERTA, MUKA DEPAN, BH -1 MAQIS AWASI PINTU SEMPADAN, NASIONAL, BH -9 HENTI IMPORT LEMBU DARI THAILAND, LOKAL, METRO AHAD -19 2,636 ORKID DARI TAIWAN DIRAMPAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SINAR AHAD -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9.	KEKALKAN PESONA EKOSISTEM MARIN, PERSPEKTIF, BH AHAD -35 TAMAN LAUT LINDUNGI HIDUPAN MARIN, PERSPEKTIF, BH AHAD -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11.	USAHAWAN PKS MIKRO, NASIONAL, SINAR AHAD -7 USAHAWAN PKS MIKRO, BH AHAD -7	AGROBANK
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	CHAIRMAN: BIRD'S NEST EXPORTS UP 117 PCT IN FIRST 3 MONTHS THIS YEAR, NATION, CHINA PRESS -A8 TIDAK BERLAKU LAMBAKAN SAYUR DI CAMARON HIGHLANDS PADA PKP 3.0, WACANA -ONLINE MOTOSIKAL TROLI UNTUK KELANGSUNGAN HIDUP, DALAM NEGERI, UM -9 BEKALAN TERHAD, PERMINTAAN TINGGI, XPRESI, METRO AHAD -35 SERAP KOS PENJAGAAN 5 TAHUN, XPRESI, METRO AHAD -36 JUALAN DALAM TALIAN ELAK LAMBAKAN, XPRESI, METRO AHAD -36 HANYA SAYUR ROSAK DIBUANG, NASIONAL, SINAR AHAD -6 PENGELUARAN BUNGA DARI CAMERON HIGHLANDS UNTUK TUJUAN EKSPORT MASIH STABIL, NASIONAL, SINAR AHAD -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	ASIAN NEWS TODAY	ONLINE	

## Penjana: RM198.67 mln approved under Microcredit Financing Scheme, says minister



BELURAN,. A total RM198.67 million in financing has been approved under the Agrobank Microcredit Financing Scheme through the allocation of the National Economic Recovery Plan (PENJANA) as of June 16 to help agricultural entrepreneurs impacted by the Covid-19 pandemic.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said 15,612 small and medium

enterprise and agricultural entrepreneurs had received financing from the overall RM350 million allocated to the microcredit scheme.

“The government always places special emphasis on food security to ensure the guarantee and sustainability of the country’s food supply.

“The government is on the right track to move out of the Covid-19 pandemic to the normal daily life as outlined in the National Recovery Plan but its success needs the co-operation and support of everyone,” he said.

He told reporters this after handing over food baskets to 200 household heads in Kampung Maidan, Sugut near here, today.

Ronald, who is the Beluran Member of Parliament, said this was part of the 16,000 food baskets which are being distributed by the Beluran Parliamentary Office in the constituency during the implementation of the Movement Control Order (MCO) 3.0.

— Bernama

Headline	Ronald: Govt working hard to recover from pandemic crisis		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	27 Jun 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	311 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 867
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,601



## Ronald: Govt working hard to recover from pandemic crisis

**KOTA KINABALU:** The government will continue to focus and work hard to recover from the effects of the pandemic crisis, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Klандee.

Dr Ronald stressed that the government will not be swayed from its efforts under any circumstances and will continue to work together towards the ultimate goal, which is to win the war against the Covid-19 that has threatened the safety and economy of the people.

Therefore, the public in response to the call of the Prime Minister recently should remain steadfast and continue to have the fighting spirit to face future challenges of the pandemic, he said.

Dr Ronald said the government had taken various measures to flatten the infection curve, including the implementation of the Movement Control Order and strict control of international

arrivals, quarantine, strict enforcement of Standard Operating Procedures (SOPs), enhancing public health capacity as well as various activities and awareness campaigns of cultivating new norms in daily life.

"There is no denying that the closure of the economic sector has a huge impact on the country's economy and the lives of the people, but the government has to implement this MCO to flatten the infection curve and ensure the country's public health system does not collapse.

"Malaysia has gained world recognition in controlling the pandemic before and I believe with the government's continued efforts together with the frontliners and the cooperation of the people as a whole, we will once again succeed in flattening the infection curve," he said this to reporters after handing over food baskets to 200 heads of

household in Kampung Madau in Paitan on Saturday.

Dr Ronald, who is also Beluran Member of Parliament, said since the pandemic hit the country, the government had implemented various aid and economic stimulus packages, totaling RM310 billion despite its very limited fiscal capacity.

"The latest is the Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA Plus) worth RM40 billion to reduce the burden of the people and drive the country's economic growth, he said, adding that all these were implemented on the basis of the government's concern for the welfare of the people.

Every decision taken by the government was to ensure that there was a balance between the need to protect lives and ensure the survival of the people, he said and added that the fiscal measures taken by the government have had various positive impacts to

boost economic growth, support business as well as provide assistance to the people and the affected economic sectors.

According to him, to support the agriculture and food industry sectors as well as ensure the country's food security, funding worth RM400 million has been allocated for farmers, ranchers and fishermen.

Under the Agribank Microcredit Financing Scheme alone, RM350 million has been allocated under the Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), and as of June 16, a total of RM198.67 million has been approved under this scheme to benefit 15,812 agricultural micro-SMEs.

"The government has always placed special emphasis on food security to ensure the security and sustainability of the country's food supply.

"The government is on the right track to move out of the pandemic crisis and return

to the norms of daily life as outlined in the National Recovery Plan which includes four phases that will allow the country to emerge from the pandemic, but the success of the plan requires the cooperation and support of the people as a whole by continuing to practice high self-discipline, adherence to SOPs at all times and continue to be registered to get vaccinated," said Dr Ronald.

He said the transition from one phase to the next according to the National Recovery Plan strategy was based on three main threshold indicators including the average daily Covid-19 new cases, Intensive Care Unit (ICU) bed utilization rate and the percentage of the population fully vaccinated.

The ongoing National Covid-19 Immunization Program (PIC) is being implemented with an increase in the daily vaccination rate.

This will help the national

recovery plan achieve the target of at least 26 million people in Malaysia being vaccinated by the end of this year to achieve herd immunity.

Meanwhile, the handing over of food aid in Kampung Madau was part of the 16,000 food baskets distributed by the Beluran Parliament Office to households in the parliamentary constituency during the MCO 3.0.

The food baskets that contain basic necessities are to reduce the burden of the locals and the distribution is done through three zones, namely in Sugut involving 5,000 households, while Telupid and Labuk involving 5,000 and 6,000 households respectively.

Also present were Assistant Minister of Rural Development who is also Labuk State Assemblyman Samad Jambri and Sabah Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) director Haji Robin Bin Haji Wahid.

# MAFI serah 200 bakul makanan

Sumbangan itu sebagai tanda keprihatinan terhadap pengorbanan dan jasa petugas barisan hadapan

oleh NORAEIDAH ASSAN

## MELAKA

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan 200 bakul makanan kepada petugas barisan hadapan negara di Melaka Tengah di sini pada Jumaat.

Sumbangan MAFI Prihatin yang diuruskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Pengarah LPP Melaka, Ahmad Fuad Zakaria berkata, bakul makanan itu diserahkan di tiga lokasi iaitu Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Japerun Ayer Molek, PPV Dewan Tun Ali, Bukit Katil dan PPV Dewan Multimedia Universiti, Bukit Beruang, Melaka.

“Sumbangan MAFI Prihatin bertujuan mengangan pengorbanan petugas barisan hadapan negara di PPV yang memberikan perkhidmatan terbaik untuk kesihatan dan kesejahteraan rakyat akibat pandemik Covid-19.

“Keprihatinan Datuk Seri Ahmad Hamzah bersama pihak LPP turun ke lapangan mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat khususnya petugas barisan hadapan sepanjang usaha mengawal pemuliharaan Covid-19.

“Ini secara tidak langsung dapat mempromosikan keprihatinan kerajaan terhadap golongan yang terkesan dengan virus itu,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Sumbangan berkenaan diagihkan kepada wakil di setiap Pusat PPV iaitu Ketua Penyelaras Vaksinator di PPV Japerun Ayer Molek, Melaka, Dr Rozita Ghazali; Ketua Penyelaras di PPV di Dewan Tun Ali, Bukit Katil, Dr Munirawati Muhammad dan Ketua Penyelaras Vaksinator di PPV di Dewan Multimedia Universiti, Bukit Beruang, Melaka, Dr Maz Ayu Abd Aziz.

Sesi penyerahan sumbangan diadakan mengikut prosedur operasi standard



Ahmad (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada wakil petugas barisan hadapan.

(SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MIKN).

Penyerahan dilaksanakan Pegawai Kesihatan Daerah Melaka Tengah, Dr Noor Aizam Mohd Said bersama Ahmad Fuad.

Dalam pada itu, di PPK Melaka Tengah, Ahmad turut meninjau ke- langsung rantaian bekalan makanan menerusi Projek Ternakan Lembu Fidlol dan aqiqah.

yang diusahakan oleh usahawan Zaidi Mohd Saïdi di Unit Bertam Hulu di bawah PPK Melaka Tengah yang berjumlah 100 ekor.

Ahmad Fuad berkata, pemasaran lembu oleh PPK Melaka Tengah berjalan lancar bagi memenuhi keperluan daging segar di pasaran dan untuk keperluan Hari Raya Aidiladha bagi aktiviti korban dan aqiqah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

# Import lembu dari Thailand dihentikan serta-merta

**Oleh Amir Mamat**  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Kerajaan terpaksa menghentikan serta-merta import lembu dari Thailand yang biasanya dibawa masuk bagi memenuhi permintaan menjelang sambutan Aidiladha setiap tahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata langkah itu berikutan kebanyakan lembu ditenak di negara berkenaan disahkan dijangkiti penyakit kulit kental berbonjol (LSD) yang mungkin boleh memudaratkan jika dibawa masuk ke negara ini.

Beliau berkata, keputusan drastik kerajaan itu, bagaimanapun tidak menjejaskan bekalan lembu di negara ini dan umat Islam yang menjalankan ibadah korban kelak tidak perlu bimbang kerana ternakan itu masih mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

## MAQIS awasi pintu sempadan

### *Dari Muka 1*

“Kebiasaannya, setiap kali sambutan hari raya korban, kita banyak mengimport lembu dari Thailand kerana keperluan dan permintaan yang cukup tinggi di negara ini, namun kali ini kita terpaksa menghentikannya kerana penularan LSD di negara berkenaan.

“Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan mengawasi pintu sempadan untuk menghalang kemasukan lembu import dari Thailand serta beberapa negara yang disahkan mempunyai jangkitan LSD,” katanya.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin memberitahu demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke kandang ternakan lembu di Kampung Bertam Ulu, Cheng di sini, kelmarin.

Beberapa pihak sebelum ini menggesa kerajaan supaya menghentikan segera pengimportan lembu hidup dari Thailand susulan laporan media negara berkenaan yang mendakwa lebih 6,700 lembu dan kerbau di 35 wilayah terjejas ekoran penularan wabak berkenaan.

Ahmad berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan di semua ladang lembu seluruh negara bagi memastikan ternakan itu bebas daripada wabak berkenaan.

**PENULARAN PENYAKIT LSD**

# HENTI IMPORT LEMBU DARI THAILAND



“Ini tidak menjajaskan bekalan lembu di negara ini”  
Ahmad Hamzah

Oleh Amir Mamat  
am@hmetro.com.my

**Melaka**

**K**erajaan menghentikan serta-merta pe-  
ngimportan lembu  
dari Thailand yang pada  
kebiasaannya dilakukan  
bagi memenuhi per-  
mintaan menjelang  
sambutan Aidiladha.

Timbalan Menteri  
Pertanian dan Industri  
Makanan 1 Datuk Seri Ab-

mad Hamzah berkata, lang-  
kah itu berikutan kebanya-  
kan lembu ditenak di ne-  
gara berkenaan disahkan di-  
jangkiti penyakit kulit kental  
berbojol (LSD) yang boleh  
memudaratkan jika dibawa  
masuk ke negara ini.

Menurutnya, tindakan  
drastik kerajaan itu bagai-  
manapun tidak menjejaskan  
bekalan lembu di negara ini  
dan umat Islam yang men-  
jalankan ibadah korban ke-  
lak tidak perlu bimbang ke-  
rana haiwan ternakan itu

masih mencukupi.  
“Sepatutnya, setiap kali  
sambutan hari raya korban  
kita banyak mengimport  
lembu dari Thailand kerana  
keperluan dan permintaan  
yang cukup tinggi di negara  
ini, namun kali ini kita ter-  
paksa menghentikannya ke-  
rana penularan LSD.

“Jabatan Perkhidmatan  
Kuarantin dan Pemeriksaan  
Malaysia (Majqs) akan me-  
ngawasi di pintu sempadan  
untuk menghalang kemasu-  
kan lembu import dari Thai-

land serta beberapa negara  
yang disahkan mempunyai  
jangkitan LSD,” katanya se-  
lepas mengadakan lawatan  
ke kandang ternakan lembu  
di Kampung Bertam Ulu,  
Cheng di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Ahmad  
berkata, Jabatan Perkhidma-  
tan Veterinar (JPV) akan  
sentiasa melakukan pema-  
ntauan berterusan di semua  
ladang ternakan lembu se-  
luruh negara bagi memas-  
tikan haiwan itu bebas da-  
ripada wabak berkenaan.



# 2,636 orkid dari Taiwan dirampas

Pokok orkid bernilai RM150,300 itu cuba dibawa masuk untuk dijual di Malaysia.

Oleh MUHAMMAD AMINUKALIF MOHD ZOKI

## SEPANG

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sejumlah 2,636 pokok orkid bernilai RM150,300 dari Taiwan di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Jumaat.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan dijalankan Pegawai Penguatkuasa Maqis mendapati 516 kilogram pokok orkid dirampas atas kesalahan tidak mematuhi syarat import Maqis iaitu tidak menyatakan nombor permit

Maqis tidak akan berkompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan.”

pada sijil fitosanitasi: “Barang dagangan tersebut dipercayai dibawa masuk untuk dijual di pasaran Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Katanya, kesemua pokok orkid tersebut telah dirampas untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Antara kotak yang dipercayai mengandungi pokok orkid yang ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) pada Jumaat.

“Syarikat terbabit boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta sama yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya. Menurut belian, pihaknya akan terus memperketatkan kawalan sempadan negara. “Maqis tidak akan ber-

kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan,” katanya.



# Kekalkan pesona ekosistem marin

Terumbu karang perlu dipelihara elak ancaman kepupusan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

Keindahan terumbu karang pelbagai spesies, warna dan bentuk menjadikan pesona ekosistem marin di dasar laut itu bertambah unik terutama ketika ditembusi panah cahaya matahari.

Di Malaysia mempunyai 619 spesies karang keras, selain 1,619 spesies ikan marin.

Ini menjadikan di Semenanjung sebagai kawasan biodiversiti yang penting di peringkat global.

Jumlah itu mewakili 80 peratus daripada bilangan spesies dikenal pasti di tapak setera di 'Segitiga Karang', yang diketahui memiliki kepelbagaian karang terbesar.

Namun, menuju ke arah negara maju, Malaysia berhadapan cabaran besar dalam menguruskan ekosistem marin ini.

Perubahan iklim dunia serta kesan antropogenik memberi impak besar kepada alam sekitar termasuk kemerosotan ekosistem marin seperti berlaku kelunturan karang, peningkatan paras laut, pengasidan air laut dan sebagainya.

Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata nilai terumbu karang negara dianggarkan antara RM10.1 juta hingga RM174 juta setahun.



Ini tidak termasuk nilai sumbangan terumbu karang kepada sektor perikanan negara, ekopelancongan, perlindungan pesisiran pantai, nilai potensi farmaseutikal dan nilai estetika.

Katanya, terumbu karang Malaysia dalam keadaan sederhana baik dan purata karang keras membentuk terumbu karang adalah 37.15 peratus.

"Substrat untuk rekrut pertumbuhan karang baru bagi benih melekat adalah sangat tinggi dengan petunjuk gangguan, ancaman dan pencemaran di kawasan yang mempunyai ekosistem karang," katanya.

**Industri Marin Mendorong**  
Hasil kaji selidik oleh ReefCheck Ma-

Penyelam terlatih melakukan inventori bergambar ke atas terumbu karang bagi merekodkan pemantauan kesihatan ekosistem marin.

(Gambar Ihsan Jabatan Perikanan)

laysia dan Jabatan Perikanan Malaysia, pada 2020 mendapati kesihatan terumbu karang semakin menurun, ikan dan invertebrata penduduk adalah rendah, namun kesan manusia serta perubahan iklim semakin meningkat.

"Hasil kajian dan laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), pada 2010, menunjukkan industri perikanan mengahami trend menurun. Dijangka berlaku kehabisan stok perikanan pada 2048, jika tiada langkah mitigasi diambil secara aktif mulai sekarang.

"Justeru, bagi pertambahan habitat dan spesies ini, program kerjasama yang menyokong kepada obligasi negara seperti konvensyen antarabangsa diharap dapat meningkatkan kelestarian sumber stok perikanan," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, beberapa mekanisme perlu diambil untuk memperlahankan kemerosotan stok perikanan dengan memberi ruang pulih semula termasuk meningkatkan kawasan perlindungan marin daripada 10 hingga 20 peratus, merekabentuk jaringan kawasan perlindungan marin (MPA) yang mampan dan mengurangkan impak luaran terhadap ekosistem marin.

Lihat muka 36



# Taman laut lindungi hidupan marin



Dari muka 35

Sehingga kini, ada 65 MPA di seluruh negara termasuk 42 di Semenanjung dan Labuan.

Katanya, perlu disediakan langkah adaptasi kepada impak negatif perubahan iklim, mengaplikasikan pengurusan berkesan terhadap MPA dan maklumat sumber marin supaya dasar pengurusan dicadangkan berlandas kepada fakta saintifik dan berasas.

"Justeru, ia perlu mengambil kira sokongan daripada pemegang taruh untuk memastikan dasar disaran dipatuhi.

"Program seperti pengurusan perkongsian bersama antara cadangan untuk pengurusan mampan," katanya.



Ahmad Tarmidzi Ramly

#### Kemerosotan sumber

Kehilangan habitat semula jadi dan eksploitasi sumber secara berlebihan menyebabkan kemerosotan sumber perikanan negara menjadi ancaman yang dikenal pasti di bawah komponen Global Biodiversity Outlook dan harus ditangani negara yang mempunyai MPA.

Kehilangan 75 peratus habitat ekosistem terumbu karang dunia sedang diancam oleh pelbagai aktiviti manusia dan impak daripada fenomena semula jadi seperti perubahan iklim.

"World of Summit 2012 melaporkan kadar kehilangan habitat marin dianggarkan 0.7 hingga dua peratus setahun," katanya.

Perairan Malaysia yang diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin boleh dibahagikan kepada tiga iaitu, perairan Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan; Perairan Sabah

dan Perairan Sarawak.

Jabatan Perikanan adalah agensi bertanggungjawab menguruskan 42 MPA di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan mengatkuasakan Bahagian IX, Akta Perikanan 1985.

#### Pemilihan taman laut

Taman Laut adalah kawasan perairan laut yang ditubuhkan untuk melindungi dan memulihara pelbagai habitat dan hidupan marin.

"Ini perlu memastikan terumbu karang yang menjadi sumber ekologi dan ekonomi negara mampu terus menyediakan pelbagai perkhidmatan ekosistem kepada berjuta-juta orang.

"Terumbu karang menyediakan pekerjaan, makanan dan perlindungan pantai, namun berlaku kerosakan pelbagai ancaman tempatan dan global," katanya.

Terumbu karang menyediakan pekerjaan, makanan dan perlindungan pantai, antara lain kepada lebih 100 juta penduduk di Asia Tenggara.

"Walaupun diiktiraf untuk nilai ekonomi dan estetik mereka, terumbu karang sedang rosak akibat pelbagai ancaman tempatan dan global," katanya.

Dunia kehilangan 19 peratus kawasan asal terumbu karang, 15 peratus terancam dengan kerugian antara 10 hingga 20 tahun akan datang, dan 20 peratus ancaman kerugian dalam tempoh 20 hingga 40 tahun akan datang berdasarkan Status Terumbu Karang Dunia, 2008.

Lebih 60 peratus tukun dunia berada di bawah ancaman segera dan langsung daripada satu atau lebih sumber bertepatan.

Aktiviti pemantauan dijalankan setiap tahun kenal pasti tahap liputan karang dan status hidupan marin di terumbu karang Taman Laut.

Penyelam SCUBA Jabatan Perikanan yang terlatih sebagai eodiver sedang menjalankan pemantauan terumbu karang di pulau Taman Laut.



## Saintis pantau terumbu karang

Sebahagian besar ancaman terumbu karang berpunca daripada aktiviti manusia, perubahan guna tanah di sepanjang pesisir pantai bersebelahan terumbu karang, pembangunan pantai, menancung dan kesan fizikal.

Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata di Malaysia Taman Laut Malaysia, taman Sabah dan Perhutanan Sarawak ditugaskan menguruskan ancaman di kawasan terumbu karang yang dilindungi.

"Kita juga melaksanakan Tinjauan Semakan Terumbu Karang berdasarkan falsafah 'Spesis Petunjuk', dua kali setahun iaitu organisma marin terdapat secara meluas pada terumbu karang.

"Jabatan juga mengadaptasi metodologi standard 'Reef Check' untuk pemantauan terumbu karang yang membolehkan saintis dan pengurus mengesan perubahan pada terumbu karang dari masa ke masa.

"Tinjauan tukun secara tetap dan kenal pasti perubahan awal terumbu karang supaya langkah pemulihan dapat diambil, sekali gus memberi peluang pengurus menjalankan kajian lebih terperinci minimumkan kerosakan kekal.

#### Negara komited

Katanya, negara komited melakukan pelbagai mekanisme untuk perlindungan dan pemuliharaan.

Antaranya komited untuk mencapai sasaran Hidupan di Lautan (SDG-14)

### info

#### Mengenal hidupan marin

• Keluasan habitat terumbu karang - 4,006 kilometer persegi.

• Malaysia diiktiraf antara 12 negara mega biodiversiti di dunia.

• Industri perikanan menyumbang RM14.5 bilion setahun kepada KDNK.

• Nilai ekonomi perkhidmatan ekosistem Taman Laut - RM8.7 bilion setahun.



yang menasarkannya 10 peratus kawasan persisiran dan perairan marin dipelihara sebagai MPA.

Sehingga kini, 1,510,037.3 hektar iaitu 3.27 peratus daripada keseluruhan kawasan perairan negara diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin.

"Sekiranya pengeksploitasian tidak terkawal, sumber itu berisiko menghadapi kepupusan dan seterusnya menjejaskan keseluruhan ekosistem dan

sumber lain," katanya.

"Malaysia diiktiraf antara 12 negara mega biodiversiti di dunia dengan industri perikanan negara menyumbang RM14.5 bilion setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

"Dianggarkan nilai ekonomi keseluhan dijana daripada perkhidmatan ekosistem Taman Laut sebanyak RM8.7 bilion setahun.

Habitat terumbu karang berkeluasan 4,006 kilometer persegi menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara terutama komuniti pesisiran pantai bergantung kepada sumber marin," katanya.

Justeru, beberapa kawasan di perairan negara juga diwartakan sebagai Taman Laut seperti Pulau Lima di Johor, Pulau Besar di Melaka, Tanjung Tuan di Port Dickson serta Pulau Songsong, di Kedah.



BANK PERKAWAN MALAYSIA BERHAD (011 816107)



AGRO BANK

# USAHAWAN PKS MIKRO Penjana Ekonomi Negara

Golongan PKS Mikro dan usahawan lain mampu menjadi pendorong dalam menjana semula ekonomi negara. Peranan mereka umpama banisan hadapan negara kerana meliputi 98.5% perindustrian pelbagai saiz dan sektor perniagaan di Malaysia.

Perubatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan PKS dengan sambutan Hari Antarabangsa untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) pada setiap 27 Jun.

Agrobank turut menyokong usaha tersebut dengan mengumuhkan **Sambutan Bulan PKS Agrobank** pada sepanjang Jun setiap tahun.

Bagi menyitihkan selangai dan membedakan idea-idea yang baharu kepada usahawan PKS Agrobank membuka ruang perincangan melalui Webinar Agro Talk dan UMBI Agro dan semasa ia semasa. Agrobank juga turut membantu mempromosikan perniagaan atas talian usahawannya secara percuma melalui laman sesawang dan media sosial rasmi Agrobank.

Bulan Jun amat penting terutama kepada Agrobank dalam menghargai peranan Usahawan PKS. Agrobank terus giat mewujudkan pelbagai program dan produk pembiayaan mikro bagi membantu industri PKS seperti mana berikut:

- Produk: Kredit Mikro • Agro Bakti • Skim Kredit Mikro Sarawak • Agro Nisaa'z • Paddy-F
- Program: Tanaman Mamas • Pemprosesan Makanan Ternakan Agro • Projek Ruminasi • Karnak Pertanian • Ternakan Lembu



Imbas kod QR untuk info





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	BH AHAD	AGROBANK	7



## USAHAWAN PKS MIKRO Penjana Ekonomi Negara

Gotongan PKS Mikro dan usahawan kecil menjadi pendokong dalam menjana surplus ekonomi negara. Peranan mereka umpama barisan hadapan negara kerana meliputi 98.5% peralihan pelbagai saiz dan sektor perniagaan di Malaysia.

PBB telah mengiktiraf peranan PKS dengan sambutan Hari Antarabangsa untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) pada setiap 27 Jun. Agrobank turut menyokong usaha tersebut dengan mengemukakan Sambutan Bulan PKS Agrobank sepanjang bulan Jun setiap tahun.

Bagi menyuntik semangat dan memberi idea-idea yang baharu kepada usahawan PKS, Agrobank membuka ruang perbincangan melalui Webinar Agro Talk dan UMBI Agro dari semasa ke semasa. Agrobank juga turut membantu mempromosikan perniagaan atas talian usahawannya secara permuta melalui laman sesawang dan media sosial rasmi Agrobank.



Bulan Jun amat penting terutama kepada Agrobank dalam menghargai peranan Usahawan PKS. Agrobank terus giat mewujudkan pelbagai program dan produk pembiayaan mikro bagi membantu industri PKS sepertimana berikut:

### Program

**Ramuan Nenas**

Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) dan Syarikat Kulim Berhad di Johor untuk menyediakan pembiayaan kepada peserta-peserta di bawah inisiatif penanaman buster nenas M22, dengan pembiayaan sebanyak RM50,000/peserta.

**Pemprosesan Makanan & Ternakan Agro**

- Pembiayaan program dengan pemegang lesen MFood Sdn Bhd di bawah Pula Bantu Warid dengan pembiayaan sebanyak RM50,000 untuk setiap peserta.
- NASAWI Venture Sdn Bhd untuk projek ternakan ayam dengan amaran pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000 untuk setiap peserta.

### Projek Ruminan

**Kontrak Peranian**

Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) di bawah Kerajaan Sarawak bagi membiayai kontraktor tanah peranian untuk apa-apa jenis perkhidmatan awam dengan amaran pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000.

**Ternakan Lembu**

RISDA Livestock Sdn Bhd untuk pembiayaan di bawah sektor ruminan dengan jumlah maksimum RM250,000 kepada para peserta RISDA.

### Produk Pembiayaan Mikro

<p><b>Kredit Mikro</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan mikro tanpa aggaran untuk tujuan perniagaan.</li> <li>• Jumlah pembiayaan bermula daripada RM1,000.00.</li> <li>• Had pembiayaan sehingga 100%.</li> <li>• Tempoh pembiayaan sehingga lima (5) tahun.</li> </ul>	<p><b>Agro Bakul</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan tanpa aggaran khusus untuk membantu usahawan Orang Kurang Upaya (OKU).</li> <li>• Had pembiayaan sehingga 100%.</li> <li>• Tempoh pembiayaan sehingga lima (5) tahun.</li> </ul>	<p><b>Skim Kredit Mikro Sarawak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inisiatif kerajaan negeri Sarawak di bawah Pakaj Bantuan Khos Sarawakku Sayang.</li> <li>• Pembiayaan khusus untuk usahawan kecil di Sarawak, terutamanya yang terjejas oleh pandemik COVID-19.</li> <li>• Bagi tujuan perbelanjaan modal (CAPEX) dan modal pusingan.</li> </ul>	<p><b>Agro Nisaa'-i</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan khusus untuk usahawan kaum wanita.</li> <li>• Jumlah pembiayaan maksimum RM30,000.</li> </ul>	<p><b>Paddy-i</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan tanpa aggaran bagi membiayai modal kerja untuk aktiviti penanaman padi.</li> <li>• Jumlah pembiayaan maksimum RM50,000.</li> <li>• Tempoh pembiayaan sehingga lima (5) tahun.</li> </ul>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**Nota:**  
PKS - Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana  
PBB - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Imbas kod QR untuk maklumat lanjut





Headline	Chairman: Bird's nest exports up 117 pct in first 3 months this year		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	459 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,162



# 蔡干根：今年首3個月 燕窩出口增117%



(吉隆坡26日訊) 大馬燕窩出口協會透露，大馬出口到中國的燕窩逐年增加，單是今年

首3個月，就出口了23公噸400公斤乾燕窩，比去年同期的10公噸800公斤，增長了117%，但燕窩商認為，由於期間遇上農曆新年，才会有此佳績，更預計今年市場會比去年差。

該會會長拿督蔡干根說，國家從1月至3月，分別出口9公噸700公斤、5公噸300公斤和8公噸400公斤乾燕窩到中國。

“然而，2019年和2020年的同期，分別出口7公噸600公斤和10公噸800公斤到中國，相比之下是增長了許多。”

## 出口商增至34家

蔡干根接受《中國報》電訪時說，這是因為中國海關自2019年開始嚴厲打擊走私和假燕窩，因此提高了正規燕窩出口的数量。

由於中國對燕窩的需求增加，詢及市場



■蔡干根



■陳瑞民

是否会面对供不应求的问题，蔡干根说，国内燕窩加工厂已逐渐发展，出口商也从原本的8家增加到34家，因此货源充足和足以应付。

另外，大馬燕窩商聯合總會總會長陳瑞民認為，國內今年首3個月出口到中國的燕窩有所增加，是因這期間遇上農曆新年，相信在此之後，燕窩市場會回到淡季，預計今年全年的出口量會比去年差。

“（燕窩出口到中國的数量）逐年增加的迹象没有错，但这只是首3個月的成績，要看全年的成績才準確。”

■大馬出口到中國的燕窩逐年增加。（檔案照）

他說，以目前的中國市場來看，暫時不會有太大的浮動，因此不太看好今年的市場。

“儘管中國經濟已開始復蘇，但消費者不會馬上具有購買能力。”

他補充，疫情肯定會影響燕窩出口量，因為加工廠的員工人數受限，產量也會下降。

吁商家勿忽略品質

蔡干根和陳瑞民呼籲國內燕窩商、加工廠和企業，以燕窩的品質為優先考慮的事項，要堅守誠信，不要為了生產便宜燕窩而忽略品質。

陳瑞民指出，燕窩都有一定的成本價，因此一分錢一分貨，便宜的燕窩品質難以有保障。

蔡干根說，雖然大馬是燕窩生產國，但諷刺的是，國內有許多劣質和假燕窩產品，導致消費者對國內燕窩欠缺信心。

“民眾對燕窩的知識有限，他們只喝燕窩這個

‘名字’，却忽略燕窩帶來的益處，因此燕窩業者有責任向民眾傳遞相關信息。”

他披露，本地市場開始對燕窩有需求，其中鮮炖燕窩在市場有不错的反響。

“很多人想吃燕窩，但沒有時間處理和炖製燕窩，所以這種燕窩比較暢銷。”

他解釋，由於許多人對即食燕窩和罐裝燕窩的品質有所保留，而鮮炖燕窩是當天炖好後，就送給顧客，所以比較受歡迎。

## 出口量數據包含水成分

蔡干根解釋，政府獲得燕窩出口量的數據，不只是乾燕窩的重量，還包含了燕窩的水成分，如即食燕窩和罐裝燕窩里的水分，所以才會那麼重。

“如果一個集裝箱的即食燕窩的重量，加了水的重量，就會有很多噸了，但是這就是海關的算法。”

農業與食品業部長拿督斯里羅南建週四指出，今年首4

個月，大馬燕窩出口量達962公噸，總值7億1400萬令吉，顯示燕窩產品在疫情期間仍保持強勁的出口表現。

若根據政府的數據，許多人會誤以為燕窩的售價是每公斤約743令吉，但蔡干根說，不能以這種算法計算，因為數據中不只有乾燕窩的重量。

“國內目前的毛燕窩售價介乎3000至4000令吉，視燕窩的品質而定。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	WACANA	ONLINE	

## Tidak berlaku lambakan sayur di Cameron Highlands pada PKP 3.0



*Antara kebun sayur di Cameron Highlands. Foto WMY/Mohd Fikri Mie*

CAMERON HIGHLANDS, 25 Jun — Tidak berlaku lambakan sayur dan aktiviti membuang produk berkenaan yang didakwa berlaku di Cameron Highlands yang didakwa berlaku berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 baru-baru ini.

Ini ditegaskan Setiausaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong yang mendakwa berita yang tersebar itu tidak berasas dan lebih kepada cuba menarik perhatian kerajaan.



Setiausaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong.

Menurutnya, kejadian lambakan sayuran hingga menyebabkan pekebun membuang produk keluaran mereka hanya berlaku pada PKP 1.0 tahun lalu yang menyebabkan kerugian besar pada pekebun, ia berlaku apabila semua aktiviti tidak boleh dilakukan sepenuhnya.

Katanya, pada PKP 3.0 kali ini pekebun sayur lebih awal mengetahui keputusan kerajaan itu, mereka sudah bersedia lebih awal bagi memastikan produk keluaran mereka boleh dipasarkan walaupun harganya lebih rendah berbanding sebelum ini.

“Perbuatan membuang sayur daun termasuk tomato dengan jumlah yang banyak kerana dikatakan berlaku lambakan disebabkan tidak boleh dipasarkan pada PKP 3.0 adalah tidak sama sekali.





Pekebun sayur di Cameron Highlands. Foto WMY/Mohd Fikri Mie

“Tomato yang dibuang merupakan buah rosak secara semulajadi serta pelbagai sebab lain dan sememang biasa berlaku, faktor berkenaan menyebabkan pekebun bertindak membuangnya.

“Setiap hari antara 100 hingga 150 kilogram tomato rosak dibuang oleh pekebun di sini,” katanya selepas

mengadakan pertemuan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan tanaman sayur, di sini semalam.

FAMA diwakili Pengarah Pemasaran Industri Makanan Ibupejabat FAMA, Ramli Mohd Sani dan Timbalan Pengarah Operasi FAMA Pahang, Shabuddin Mohd Nor.

Ee Mong berkata, pihaknya tidak faham kenapa isu lambakan sayuran sering dikaitkan dengan Cameron Highlands sedangkan kejadian itu tidak berlaku, ada pihak seolah cuba menarik perhatian kerajaan supaya campur tangan selain mungkin untuk menimbulkan kebimbangan pengguna.

Katanya, pada PKP 3.0 kali ini kebanyakan pekebun sudah bersedia dan mereka terlebih dahulu mengambil langkah awal supaya sayur tidak rosak, mereka tidak memetik sayur bagi mengelak tidak dapat dijual.

Bagi Louis Lau Weng Soow, pada peringkat awal PKP 3.0 sahaja sayuran tidak dapat dipasarkan namun selepas itu pengeluaran sayuran berjalan lancar sama seperti sebelum ini.



Pekebun sayur, Louis Lau Weng Soow.

Katanya, keputusan kerajaan membenarkan aktiviti penghantaran sayuran keluar dari Cameron Highlands suatu tindakan yang bijak dan tepat bagi mengelak berlaku lambakan seterusnya kerugian ditanggung oleh pekebun.

“Pasaran sayuran kini berjalan lancar walaupun harganya tidak menentu, bagi pihak pekebun ia suatu yang normal dan tidak perlu diperbesarkan.



Aktiviti penghantaran sayur di Cameron Highlands terus berjalan. Foto WMY/Mohd Fikri Mie

“Sekiranya pasaran sayuran tidak dapat dilakukan pekebun bertindak menyumbang sayuran kepada pengguna di beberapa negeri, kami tidak bertindak membuangnya seperti yang didakwa sebelum ini,” katanya yang mengeluarkan pelbagai jenis sayuran untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Tinjauan di Cameron Highlands mendapati aktiviti penghantaran sayuran tetap berlaku walaupun jumlahnya berkurangan, pekebun hanya bertindak memberhentikan kerja menanam sayuran.

Pengeluaran sayuran banyak berlaku di Lembah Bertam, Brinchang, Kuala Terla, Blue Valley dan Kampung Raja termasuk Lojing, Kelantan yang memasarkan sayuran mereka melalui Cameron Highlands.



# Motosikal troli untuk kelangsungan hidup

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**  
utusanews@mediamulla.com.my

**KOTA KINABALU:** Berpanas dan berujan menaiki pengangkutan motosikal troli yang tidak berbumbung sudah menjadi sebahagian daripada rutin kehidupan penduduk Kampung Panggi, Tenom, dekat sini.

Kampung yang terletak kira-kira 160 kilometer (km) dari Kota Kinabalu itu hanya boleh dihubungkan menggunakan perkhidmatan kereta api.

Tiada sebarang akses jalan raya yang menghubungkannya dengan pekan Tenom walaupun Empangan Hidroelektrik Panggi hanya terletak kira-kira satu kilometer dari kampung tersebut yang dihuni masyarakat daripada suku kaum Murut.

Daerah ini terkenal dengan beberapa destinasi dan aktiviti menarik seperti sukan kayak arus deras di Sungai Padas, Taman Pertanian Sabah, Rundum Highland, Pusat Kebudayaan Murut serta kilang kopi Tenom.

Namun, kampung yang menempatkan kira-kira 500 penduduk itu masih jauh ketinggalan tanpa ada kemudahan infrastruktur yang baik.

Ketika negara sedang membicarakan isu pembinaan projek Laluan 3 Aliran Transit Massa (MRT3), anak-anak kampung di pedalaman Sabah ini masih menggunakan troli buatan sendiri yang dihasilkan sejak



**UDIN BAKITWOH**

lebih 20 tahun lalu.

Troli kayu yang kini sudah 'dimak' taraf sebagai motosikal troli sejak tiga tahun lalu menjadi pengangkutan alternatif penduduk kampung sekiranya perkhidmatan kereta api mengalami kerosakan atau tidak beroperasi.

Kini, motosikal troli ini turut menjadi pengangkutan guru-guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Panggi.

Bekas Ketua Kampung Panggi, Udin Bakitwoh, 55, berkata, inovasi motosikal troli itu membolehkan penduduk kampung keluar membeli barang keperluan dan menghantar hasil pertanian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana operasi kereta api dihentikan sementara waktu.

Beliau menjelaskan, motosikal troli yang digunakan di lan-

dasan kereta api itu dihasilkan menggunakan sebuah motosikal serta troli kayu yang melat belaja kira-kira RM500 dan mampu menarik sehingga 10 troli sekali gus.

"Pembinaan motosikal troli ini adalah hasil idea anak muda kampung yang terlampau troli sebegini digunakan di Thailand melalui aplikasi Youtube, tiga tahun lalu.

"Sebelum ini, kami menggerakkan troli ini secara manual dengan menggunakan sebatang kayu tetapi dengan adanya motosikal troli perjalanan menjadi lebih pantas," katanya.

Pada masa ini, 10 buah motosikal troli digunakan oleh penduduk di sini bagi mengangkut hasil pertanian seperti pisang, ubi, sayur-sayuran dan getah untuk dijaja di pekan.

Certainya lagi, jika hasil pertanian banyak, mereka boleh membawa sehingga satu tan muatan yang disimpan dalam beberapa troli yang disusun dan diikat dengan rapi agar tidak terlepas semasa dalam perjalanan.

"Kalau muatan banyak, saya membawa motosikal troli ini pada kelajuan 30 kilometer sejam (km/j), jadi ia mengambil masa lebih sejam untuk sampai ke pekan. Jika kereta api beroperasi, biasanya sebelum mula bergerak, kami akan maklumkan kepada stesen kereta api bagi mengelakkan berlaku kemalangan."



**MOTOSIKAL troli yang digunakan penduduk Kampung Panggi mengangkut hasil pertanian ke pekan Tenom, Sabah.**

"Sekiranya muatan sedikit, 30 minit pun boleh sampai ke pekan. Namun, sekiranya kami membawa penumpang yang berusia, terpaksa juga perlahan motosikal. Penumpang selalunya membayar RM10 untuk tambang pergi dan balik," katanya.

Selain membawa barangan, motosikal troli ini juga digunakan ketika kecemasan bagi

membawa ibu yang ingin bersalin ke Hospital Tenom. Dua tahun lalu, ada kes ibu bersalin di jalanan sebelum sempat tiba di hospital.

Mengulas lanjut, katanya, sejak tahun 1994 lagi mereka di jalanan sebelum sempat tiba di hospital. Memohon untuk pembinaan jalan raya menuju ke kampung tersebut. Kelulusan sudah diberikan tapi habuk pun tiada sehingga sekarang, katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	METRO AHAD	XPRESI	35

**AGRO**

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@metro.com.my

Antara isu menarik perhatian ramai hari ini ialah harga raja buah yang tidak munasabah apatah lagi ketika masyarakat berdepan Sekatan Pergerakan Penuh.

Penawaran harga durian dilihat terlalu ringgi hingga membebankan penggemarnya.

Rata-rata tidak dapat menerima kadar harga jualan terutama durian kampung mencecah sehingga RM25 sekilogram berbanding sama boleh didapati dalam selonggok satu ketika dulu.

Dalam menyelami isu ini, pelbagai lapisan penggiat daripada peringkat tanaman sehinggalah ke jualan didekati bagi memahami alasan di sebalik kenaikan harga buah tempatan berkenaan.

Peniaga durian di Pasar Tani Kekal (PTK) Datin Halimah, Johor Bharu, Samsul Kamar Sanawi Kamaruddin berkata, harga jualan durian ini



Contohnya dua minggu lalu, harga melonjak bagi semua jenis durian kerana kebiasaan pada awal musim, buah yang luruh tidak serentak di semua tempat

**SAMSUL**



PROSES pengedaran durian mengikut saiz dan kualiti dilakukan sebelum dipasarkan

FOTO MOHD YUSRI HARIN, MOHD ZABIDAHMAD & SAMSUL KAMAR



HARGA naik turun disebabkan permintaan tinggi durian

# BEKALAN TERHAD, PERMINTAAN TINGGI

Harga raja buah dijangka menurun bermula minggu depan iaitu awal Julai kerana berada pada kemuncak musim



ANTARA kadah unik hasil inisiatif pengusaha seperti Mohd Zabidi memastikan buah dikeluarikan dari ladangnya menepati grad terbaik

tidak menentu bergantung kepada hasil sama ada banyak atau sebaliknya pada satu-satu musim.

"Fenomena harga terlalu tinggi berpunca daripada bekalan buah yang sangat terhad berbanding permintaan tinggi di pasaran.

"Contohnya dua minggu lalu, harga melonjak bagi semua jenis durian kerana kebiasaan pada awal musim, buah yang luruh tidak serentak di semua tempat.

"Itu antara punca harga boleh jadi tidak masuk akal sehinggalah mencecah RM25 sekilogram bagi durian kampung.

"Lagi satu ialah sikap segelintir peniaga buah itu sendiri yang cuba main harga kerana lihat masih ada yang sanggup membeli

meskipun kadar itu jauh lebih tinggi daripada biasa," katanya.

Kata Samsul Kamar, orang ramai tidak perlu bimbang kerana dijangka harga buah itu menurun bermula minggu depan iaitu awal Julai kerana berada pada kemuncak musim.

"Saya jangka bermula awal Julai, orang boleh nikmati kadar harga 'pengsan' untuk durian kerana ia luruh atau bekalan boleh didapati di semua tempat atau negeri.

"Keadaan ini mewujudkan pasaran selimbang kerana hasil banyak sehinggalah penjual terpaksa menurunkan harga bagi membolehkan buah itu terjual. Stok jualan untuk durian perlu dihabiskan setiap hari kerana mutu sudah terjejas

keesokan harinya.

"Saya sendiri sudah mula turunkan harga iaitu RM15 sehinggalah RM8 sekilogram bagi durian kampung sementara durian kahwin paling mahal pun dalam sekitar RM25 sekilogram. Dijangka akan ada kemungkinan dijual dalam harga mengikut biji jika buah terlalu banyak pada minggu berikutnya.

"Bekalan atau stok durian yang dijual di pasar ini setiap hari diperoleh daripada pekebun durian atau hasil kebun yang dipajak sudah cecah 500 kilogram hingga ke 600 kilogram. Berbanding awal musim dahulu hanya sekitar 200 kilogram sehari," katanya yang turut memiliki kedai tetap di Pekan Nanas, Johor Bahru.

Sementara itu, pekebun durian kahwin dari Tanah Merah, Kelantan, Mohd Zabidi Ahmad, 39, berkata, harga durian juga boleh dipengaruhi kos logistik dan pengurusan ladang yang kian meningkat setiap tahun.

"Berdasarkan pengalaman saya dalam tempoh mengusahakan kebun durian untuk jualan hasil dalam tempoh dua tahun ini, memang menelan belanja yang tinggi.

"Sebenarnya penjagaan pokok durian ini cukup remeh dan bermula awal tahun. Ini meliputi penjagaan kesuburan tanah memerlukan baja khas membantu mengatasi ancaman anal-anak merah pada pokok durian matang.



## DARI MUKA 36

"Kos kasar untuk saya uruskan 120 pokok dalam ladang berkeluasan 1.62 hektar dalam anggaran RM17,000 hingga RM25,000 bagi hasil RM40,000 semusim atau setahun.

"Baja untuk durian ini pelbagai kategori, kena ada baja untuk elak tanah jadi masam, baja batang dan daun.

"Apabila pokok mula mengeluarkan bunga kena beri nutrien atau baja kalsium sebagai makahan dan keluaran kualiti buah yang baik," katanya.

Katanya, bagi mengatasi masalah ancaman perosak dan penyakit pula, dia tidak gunakan bahan kimia (anggaran RM90 sebotol untuk keluasan kebun sekitar sehingga 1.6 hektar) sebaliknya memilih kaedah organik yang kos bahan berupa sejents kulat mencecah RM60 sekilogram bagi tanah berkeluasan 0.4 hektar. Jadi, untuk rawatan perosak, dia menanggung kos dua hingga tiga kali ganda berbanding kaedah biasa.

Ia belum dikira kos lain seperti upah pekerja untuk membersihkan kebun yang juga sudah meningkat, jika tiga tahun lalu RM100 hingga RM200 untuk 0.4 hektar kini sudah mencecah RM300. Hasil buah juga tidak menentu kerana terdapat ancaman haiwan perosak seperti monyet, babi hutan dan tupai menyebabkan



ISI durian kahwin kuning dijual Mohd Zabidi

hasil atau buah dikehuarkan turut terjejas. "Lagi berisiko bagi mereka yang baru menanam pokok usia tujuh atau lapan bulan yang tiada jaminan selepas lima tahun penjagaan terus dapat hasil baik.

"Mereka perlu menyerap kos penjagaan lima tahun sebelum menikmati hasilnya, ancaman haiwan perosak terutama babi hutan dan monyet yang gemar sabotaj pokok yang baru hidup juga risiko perlu ditanggung pekebun.

"Saya perhatikan anak pokok 'batch' terbaharu lebih sensitif termasuk pokok premium yang memerlukan penjagaan lebih teliti. Pada saya harga durian bermutu di pasaran adalah wajar dengan kos

perlu dilabur pekebun dalam penjagaan pokok dan kebun," katanya.

Sementara itu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menerusi Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Mohamad Mustahapa Awang berkata, pihaknya sentiasa memantankan peranan aktif dalam menstabilkan harga jualan buah tempatan terutama durian.

Namun, naik dan turun harga jualan durian masih dalam kawalan permintaan serta penawaran.

"Berdasarkan tinjauan harga durian di peringkat ladang, sehingga bulan ini harga gred durian premium sekitar 22 hingga 40 sekilogram.

Pada saya harga itu masih munasabah berdasarkan kos pengurusan ladang dan kerja keras petani bagi menjaga kebun sehingga hasil boleh dinikmati pengguna.


Aktiviti pengedaran, pembungkusan dan pelabelan buah turut dilihat membantu petani mendapat harga sepadan dengan kualiti buah.

"Gred bermula Premium, gred 1 dan 2. Kalau di pasaran pula sistem gred premium itu adalah bersamaan dengan gred AA, A dan B.

"Peringkat harga runcit buah durian bermula RM34 hingga RM60 sekilogram mengikut varieti klon, gred dan kualiti buah. Namun tidak dinafikan ada penjual sanggup ambil risiko dengan meletakkan harga

# SERAP KOS PENJAGAAN 5 TAHUN

Harga durian bermutu tinggi di pasaran wajar apabila diambil kira kos dilabur setiap pekebun



MAKLAJUTARA buah durian berbusung hijau matang keemasan kos dalam kalangan sehingga tiga ke tempatan jualan



PEKEBUN durian membelanjakan sejumlah besar wang bagi penjagaan kebun sehingga ke tahap ancaman haiwan perosak

sehingga RM70 hingga RM80 sekilogram dengan penawaran yang lebih eksklusif," katanya.

Saranan pihaknya kepada peminat durian adalah membuat pilihan bijak dalam pembelian buah yang berkualiti.

"Perlu faham buah durian kampung isinya sekitar 10 peratus dan yang lainnya adalah kulit dan biji. Berbanding buah perlmum atau durian kahwin, komposisi isi sekitar 25 hingga 30 peratus. Jadi realitinya pembelian buah premium termasuk durian kahwin ini lebih berbaloi meskipun tanggapan ramai orang ia mahal," katanya.

Orang ramai boleh juga mengikuti kempen jualan atau karnival durian Fama bagi mendapatkan durian berkualiti.

Malah orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat daripada laman sesawang dan media sosial FAMA berkaitan harga, gred dan kualiti.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sudah melakukan beberapa program dan inisiatif bagi membantu peniaga mahupun pengusaha dalam memasarkan durian dan buah-buahan bermusim di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, isu lambakan durian yang tidak terjual tidak benar kerana permintaan durian ketika ini begitu tinggi di dalam pasaran tempatan mahupun luar negara.

"Isu berkenaan timbul kerana terdapat segelintir peniaga durian yang baru saja menceburi bidang itu dan berkemungkinan kurang mendapat pendedahan mengenai strategi pemasaran bagi memasarkannya.

"Sehubungan itu, Fama sudah menggunakan platform jualan dalam talian iaitu Shopee

untuk memastikan tiada lambakan durian pada musim yang sedang bermula di seluruh negara," katanya ketika ditemui dalam Program Sesi Libat Urus Fama Bersama Pemain Industri Durian Johor, di Pejabat Fama Tangkak, baru-baru ini.

Mustahapa berkata, pihak FAMA juga menganjurkan jualan dalam talian iaitu e-Durian Festival di e-FAMA Place di platform Shopee yang sudah bermula pada 20 hingga 30 Jun ini bagi durian di Pulau Pinang manakala dari 14 Julai hingga 1 Ogos pula bagi durian di Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak di platform yang sama.

"Jantara usaha Fama dalam membantu mengatur pasaran durian di seluruh negara bagi mengelak berlaku lambakan

buah-buahan berkenaan sepanjang musim yang sedang berlangsung ketika ini.

"Fama juga bekerjasama dengan kilang memproses durian dan pihak kilang begitu memerlukan bekalan yang banyak serta ketika ini belum mencukupi untuk diproses," katanya.

Katanya, Fama juga mewujudkan 43 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara yang boleh digunakan untuk memasarkan durian ketika Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) ketika ini.

"Selain itu, Fama juga sedia memberi latihan kepada petani untuk memasarkan durian mereka secara langsung menerusi media sosial seperti Facebook Shop, Facebook Market Place, YouTube, WhatsApp dan



MOHAMAD

TikTok.

"Peniaga, pengusaha atau pekebun yang ingin mempelajarinya boleh berhubung dengan pihak Fama berhampiran supaya mereka dapat memanfaatkan kemudahan teknologi semasa," katanya.

Beliau berkata, isu

pemasaran durian adalah tidak begitu kritikal kerana Fama juga mempunyai cawangan peruncitan sendiri dan bekerjasama dengan kilang untuk memproses durian dari pekebun dan pengusaha.

Fama sendiri mempunyai kilang memproses dan menggalakan usahawan memasarkan secara terus.

"Jika pekebun atau pengusaha mengalami masalah memasarkan durian, mereka boleh menghubungi Pusat Pengurusan Krisis (CMC) di Fama negeri atau di pejabat Fama berdekatan untuk mendaftar bagi mendapatkan khidmat bantuan dari segi mengatur pasaran dengan sama ada dengan usahawan bimbingan yang lain dan kilang memproses durian," katanya.

Mengulas lanjut

## Jualan dalam talian elak lambakan

mengenai isu harga durian yang mahal ketika ini, beliau berkata, ia bergantung kepada situasi pembekalan dan permintaan dalam pasaran durian itu sendiri.

"Di dalam negara kita mempunyai pelbagai jenis durian mengikut rasa dan kualiti masing-masing serta orang ramai mempunyai pilihan untuk membeli mengikut harga, kualiti serta rasa apabila membeli durian.

"Kepada penggemar durian mereka sebenarnya lebih bijak untuk menentukan pilihan jenis durian yang mereka mahu mengikut kemampuan dan cita rasa masing-masing.

"Seperti contoh durian Musang King yang dikatakan raja kepada segala jenis durian mempunyai harga yang tinggi kerana penjagaannya yang rumit untuk mengekalkan kualiti tekstur dan rasanya yang lebih sedap," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	SINAR AHAD	NASIONAL	6

# Hanya sayur rosak dibuang

Pekebun Cameron Highlands ulas isu lambakan sayur dibuang di Lojing

Oleh MUTHAMMAD AMMAN HIBRAHIM

## CAMERON HIGHLANDS

Pembuangan hasil pertanian di Cameron Highlands hanya melibatkan sayuran yang sudah rosak atau tidak memenuhi kualiti standard untuk dipasarkan.

Setiasua Agung Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, pembuangan hasil tanaman itu tidak melibatkan sayuran yang tidak terjual dan masih dalam keadaan baik serta boleh dipasarkan kepada pembeli.

Menurutnya, amalan itu merupakan prosedur biasa kerana kesemua sayuran dari ladang akan melalui proses penggredan sebelum diserahkan kepada pemborong untuk dihantar ke seluruh negara atau bagi tujuan dieksport.

"Sememangnya menjadi kebiasaan pengusaha membuang sayuran yang rosak secara semula jadi atau yang tidak mengikut tahap kualiti ditetapkan.

"Setiap hari antara 100 hingga 150 kilogram (kg) tomato rosak dibuang pekebun di sini (Cameron Highlands) disebabkan perkara ini," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Ee Mong berkata, jumlah sayuran harian yang dilupuskan



Antara lokasi pembuangan sayur rosak di Cameron Highlands.



Kesemua sayuran dari ladang akan melalui proses penggredan sebelum diserahkan kepada pemborong untuk dihantar ke seluruh negara atau bagi tujuan dieksport.

itu hanya sekitar dua ke lima peratus daripada keseluruhan hasil pertanian dikeluarkan pengusaha.

Pada 19 Jun lalu, media melaporkan mengenai 150,000kg lambakan sayur-sayuran dibuang di Lojing, Gua Musang setiap hari berikutan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Mengulas mengenai perkara itu, Ee Mong berkata, pengusaha lazimnya akan tetap menghantar sayuran yang tidak terjual dan masih baik kepada mana-mana penjual atau pemborong pada harga murah di samping turut memberikannya bagi tujuan kebajikan.

Menurutnya, isu lambakan sayuran tidak terjual didapati hanya berlaku ketika Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) pertama tahun lalu kerana pelaksanaan mengejut sekatan pergerakan yang menyebabkan proses penghantaran terhenti.

Jelasnya, turut menyumbang kepada isu tersebut pada ketika itu adalah penurunan permintaan mendadak di peringkat pasaran, namun perkara itu dapat dielakkan oleh pengusaha pada PKP kali ini dengan cara mengawal pengeluaran mereka lebih awal.

Bagaimanapun, Ee Mong berkata, isu sedemikian didapati tidak berlaku di kawasan pertanian itu ketika PKP 3.0 yang bermula Jun lalu kerana pekebun sudah membuat pengeluaran mereka untuk tempoh tersebut.

Tambah beliau, kejadian lambakan sayuran tidak terjual

berkemungkinan besar tidak berlaku jika tiada sekatan pergerakan yang dikenakan terhadap pengusaha dan pemborong sayuran di kawasan tersebut.

Aktiviti pertanian dan rantainya termasuk pengangkutan hasil tanaman di beberapa kawasan Cameron Highlands yang dikenakan PKPD dibenarkan beroperasi seperti biasa selepas kerajaan meletakkannya sebagai sektor perkhidmatan perlu pada 16 Jun lalu.

Dalam pada itu, pengusaha tomato di Lojing, Goh Ka Keng berkata, dakwaan sesetengah pihak mengenai berlakunya lambakan sayur dengan jumlah yang agak besar di sebuah tempat di kawasan tersebut adalah tidak tepat.

Dia yang juga antara pengeluar utama tomato di Lojing menjelaskan, tempat pembuangan sayuran yang didakwa itu adalah berdekatan dengan kawasan pertanian syarikatnya

dan ia digunakan oleh dua lagi pengusaha lain bagi membuang hasil tanaman yang rosak.

Ka Keng berkata, jumlah pembuangan sayuran rosak terkumpul untuk tempoh seminggu syarikatnya adalah sangat kecil iaitu hanya sejumlah 100kg daripada 300,000 ke 400,000kg hasil tanamannya.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pertanian Lojing, Mohd Azuan Shamsudin berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan berkaitan masalah pemasaran daripada 890 pengusaha sayuran yang berdaftar di bawahnya termasuk petani kecil dan bumiputera ketika PKP 3.0.

Beliau berpendapat, masalah tersebut berkemungkinan tidak timbul kerana sebahagian besar pengusaha sayuran di kawasan tersebut khususnya pengeluar utama sudah memiliki pusat pengumpulan dan pembungkusan sendiri bagi tujuan pemasaran.



EE MONG

## Pengeluaran bunga dari Cameron Highlands untuk tujuan eksport masih stabil

**CAMERON HIGHLANDS** - Pengeluaran bunga dari Cameron Highlands bagi pasaran utamanya di luar negara masih kekal stabil ketika ini.

Pegawai Pertanian Cameron Highlands, Mohd Hatta Kahar berkata, antara negara luar yang mendapatkan 75 peratus daripada bunga keluaran Cameron Highlands ialah Jepun, Singapura dan Thailand.

Katanya, isu pengeluaran bunga tidak terjual ketika ini adalah melibatkan pasaran dalam negara yang meliputi 25 peratus daripada keseluruhan hasil bunga dari kawasan berkenaan.

"Saya tengok yang luar negara, jumlah pengeluarannya masih seperti dulu.

Mungkin kurang sedikit tetapi masih agak tinggi," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Mohd Hatta berkata, terdapat lebih 100 petani bunga yang berada di Cameron Highlands dengan 90 peratus daripada keluarannya adalah bunga kekwa atau 'chrysanthemum'.

Sementara itu, Setiasua Agung Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, bunga yang tidak terjual bagi pasaran tempatan tidak boleh dijual untuk tujuan eksport disebabkan faktor penetapan kualiti dan jenis yang berbeza bagi setiap negara.

"Beza kalau hantar ke Jepun ialah jenis bunga dan juga spesifikasi. Kalau



WENG SOON

MOHD HATTA

untuk Thailand, mereka tidak mahu Jepun punya spesifikasi bunga.

"Spesifikasi untuk Thailand lebih kurang sarna dengan spesifikasi lokal kerana

mereka juga guna untuk tujuan agama. Mereka (Thailand) boleh terima (bunga tidak terjual untuk pasaran negara) tetapi sekarang permintaan daripada mereka juga agak kurang stabil," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Penanam Sayur Cameron Highlands, Lau Weng Soon berkata, usaha petani untuk memasarkan hasil bunga bagi pasaran tempatan melalui platform dalam talian didapati tidak memberikan kesan yang signifikan terhadap jualan.

Jelas beliau, pasaran yang masih kecil di platform dalam talian juga menyebabkan pengusaha bunga menghadapi ke-  
kangan logistik untuk proses penghantaran hasil tanamannya kepada pengguna.